

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

FEBRUARI/MAC 2001

RPK 535 – PERANCANGAN WILAYAH DAN DESA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Bincangkan pendapat yang menyatakan bahawa kerajaan perlu menumpukan perhatian kepada perancangan kawasan bandar daripada perancangan wilayah dan desa memandangkan negara sedang menuju ke arah pertumbuhan bandar yang semakin pesat.

(25 MARKAH)

2. Sebagai seorang jururancang, anda ditugaskan untuk melaksanakan pembahagian wilayah-wilayah baru di Semenanjung Malaysia kerana wilayah sediaada perlu dibubarkan bagi memantapkan program pembangunannya.

Jelaskan justifikasi untuk pembahagian wilayah yang baru ini dengan menghuraikan kriteria yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri setiap wilayah

(25 MARKAH)

3. Jelaskan perbezaan di antara pendekatan **Agropolitan** dan **Kutub Pertumbuhan** berdasarkan ciri-ciri berikut:
 - a) Konsep yang digunakan
 - b) Kesesuaian penggunaan di negara ini
 - c) Keberkesanan

(25 MARKAH)

4. Secara ringkas, terangkan amalan perancangan pembangunan wilayah di negara ini. Pada pendapat anda, apakah masalah **UTAMA** yang dihadapi para jururancang pada perancangan di peringkat ini.

(25 MARKAH)

5. a) Jelaskan rasional yang menyatakan bahawa penekanan aspek reruang dan pertumbuhan ekonomi merupakan aspek penting dalam perancangan wilayah
- b. Jelaskan dengan ringkas faktor-faktor yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi itu menumpu (*converge*) atau tidak menumpu (*diverge*)

(25 MARKAH)

6. Bincangkan 5 isu atau masalah **UTAMA** yang berkaitan dengan perancangan wilayah

(25 MARKAH)

7. a) Jelaskan keperluan perancangan petempatan desa di negara-negara membangun

- b) Bincangkan 3 aspek terpenting dalam perancangan petempatan desa

(25 MARKAH)